



MOHD YUNUS ALIALLAH@ISMAIL

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan lulusan pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dalam bidang Tari (Persembahan) dan kini beliau sedang melanjutkan pelajaran pada peringkat Sarjana Seni Persembahan (Tari) di Universiti Mlalya (UM).

Beliau yang merupakan Pensyarah Sepenuh Masa di Fakulti Tari ASWARA telah menerima latihan sehingga tahap Arengetram pada tahun 2011 dari *The Temple of Fine Arts Kuala Lumpur*. Pengkhususan beliau adalah di dalam tarian Klasik Bharatanatyam, Pergerakan Kreatif dan Komposisi Tari.

Sebagai Penari, beliau telah menjelajah ke seluruh dunia untuk membuat persembahan dan bekerjasama dengan koreografer serta penari antarabangsa. Antara produksi dan persembahan beliau di peringkat antarabangsa adalah *Legend: The Journey Begins* pada tahun 2009 di Singapura, *Freedom Boredom* bersempena *Bangkok Fringed Festival* pada tahun 2009 di Bangkok, dan *International Cultural Exchange Program (Modern Dance)* anjuran *The John F. Kennedy Center* di New York dan Philadelphia pada tahun 2009.

Beliau juga pernah bekerja dengan *Shobana Jeyasingh Dance Company* di London sebagai penari di dalam produksi *Configuration* pada tahun 2013, dan penglibatan di dalam produksi teater tradisional seperti Mak yong, Randai, dan teater muzikal seperti *Puteri Gunung Ledang the Musical* dan *P.Ramlee the Musical* yang

dipersembahkan di Malaysia dan Singapura. Pada tahun 2017, beliau turut terlibat di dalam persembahan *Crossing Borders in Bharatanatyam* yang dipentaskan di Panggung Lambang Sari di Istana Budaya.

Sebagai Koreografer, beliau telah mementaskan karya berbentuk kontemporari dan tradisional dalam produksi tahunan anjuran Fakulti Tari seperti *Up! Down!*, *Jarum Berseri*, *When They Ate the Apple* dan *Smart-ish!* bagi produksi *Jamu* di antara tahun 2014 hingga tahun 2017. Selain itu, beliau pernah menjadi Pengarah Artistik bagi produksi *Main Zapin* 2017 dan dalam masa yang sama beliau juga bertindak sebagai koreografer. Beliau juga menjadi koreografer bagi sebuah konsert bertajuk *License To Thrill, a Band Concert* anjuran *Lime Light Entertainment* di Istana Budaya pada tahun 2014.

Sepanjang penglibatan beliau dalam seni persembahan, beliau pernah terlibat dalam rancangan reality televisyen Malaysia seperti *So You Think You Can Dance: Malaysia* musim pertama, dan mendapat tempat enam teratas daripada 20 peserta yang menyertai.

PENCAPAIAN

Beliau juga pernah menerima beberapa anugerah berdasarkan pencapaian hasil karya dan penglibatan beliau di dalam industri Seni Tari di Malaysia seperti anugerah *Most Promising Artist* dari anugerah tahunan *The BOH Cameronian Award* yang ke-8 pada tahun 2010, anugerah *Selangor Young Talent Award, SEYTA* daripada Anugerah Khas Juri Tokoh Seniman Muda pada tahun 2011, anugerah *Best Choreographer in a Mixed-Bill* bagi karya beliau yang bertajuk *Jarum Berseri* dan *Best Choreographer in a Full-Length* bagi karyanya *Crossing Borders in Bharatanatyam* ketika anugerah *The BOH Cameronian Award* pada tahun 2015, dan beliau telah disenaraikan sebagai *Top 10 New Generation Malaysian Cultural Dancers* oleh *RHA Media* pada tahun 2017.